

Beri ruang untuk laporan seimbang

Deklarasi Melaka 2022 diserahkan kepada Perdana Menteri

Melaka: Pengamal media semalam sebulat suara mahu wartawan Malaysia diberi ruang dalam menyampaikan laporan secara sah dan seimbang seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara itu antara lima inti pati Deklarasi Melaka 2022 dibacakan Pemangku Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman pada Majlis Kemuncak Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2022 di sini semalam.

Deklarasi Melaka 2022 itu kemudian diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob oleh Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Khairdzir Yunus, dengan diiringi Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Datuk Che Roslan Che Daud dan Ketua Pegawai Kandungan Kumpulan Media Star, Esther Ng.

Turut mengiringi Ketua Pengarang Sin Chew Daily, Kuik Cheng Kang; Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Rozaid Rahman; Pengarah Urusan Tamil Malar Daily, Datuk M Periasamy; Pengarang Kumpulan Berita dan Ehwal Semasa Rangkaian Televisyen Media Prima, Kamaruddin Mape dan Ahmad Zaini.

Deklarasi itu menyebut dalam memelihara dan mengangkat martabat kewartawanan, sewajarnya petugas media diberi kebebasan dalam menjalankan tu-

Seri Paduka zahir penghargaan

Melaka: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menzahirkan ucapan selamat menyambut Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2022 kepada seluruh wartawan dan pengamal media serta mereka yang telah bersara.

Menerusi catatan di Facebook rasmi Istana Negara, Al-Sultan Abdullah menzahirkan penghargaan terhadap komitmen dan dedikasi diberikan wartawan serta pengamal media dalam menjalankan tugas. Ini termasuk menyampaikan maklumat dan melaporkan berita yang tepat, terkini sama ada menerusi televisyen, surat khabar, radio mahupun portal dalam talian.



gas sebaik mungkin tanpa halangan atau sekatan mana-mana pihak supaya wartawan dapat membuat liputan dan laporan yang menegakkan nilai integriti, relevan serta sah.

Deklarasi berkenaan turut menyatakan bahawa kewartawanan yang amanah dan bertanggungjawab adalah aset penting dalam pembangunan negara bangsa.

Justeru, kewartawanan perlu mengekalkan fungsi dan peranannya sebagai 'pemerhati' untuk mengawasi tata laku dan tadbir urus negara supaya pemerintahan negara sentiasa berintegriti dalam semua aspek.

Menerusi Deklarasi Melaka 2022 itu, wartawan turut menyatakan ikrar supaya media bertauliah perlu bersatu untuk memerangi penyebaran berita palsu yang boleh membahayakan individu, organisasi dan kerajaan.

"Kewujudan internet mempercepatkan proses penyampaian berita dan segala maklumat lama

serta baharu sehinggakan media sosial menjadikan masyarakat Malaysia lebih peka kepada keadaan sekeliling.

"Keadaan ini boleh menyebabkan penyebaran berita palsu mudah berleluasa dengan ia direka semata-mata untuk menarik perhatian netizen dan menjadi isu hangat," menurut deklarasi itu.

Selain itu, deklarasi juga menyatakan agar wartawan perlu menjunjung Perlembagaan dan Prinsip Rukun Negara kerana mereka menjadi sebahagian daripada proses pembinaan negara serta memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan nasional.

Di Malaysia yang demokratik, wartawan menggunakan kemahiran untuk mewujudkan suasana saling menghormati, saling dipercayai dan saling memahami dalam kalangan masyarakat dan mencegah timbulnya perasaan curiga dan prasangka.

Selain itu, Deklarasi Melaka 2022 menyatakan sebagai tunjang dalam memacu hala tuju negara, kewartawanan menjadi medium dalam memartabat integriti supaya menjadi amalan tadbir urus negara serta boleh menjadi pegangan prinsip masyarakat umum. BERNAMA